

NUR HIDAYAH BINTI AJMAL MAHUDAI

KAJIAN LITERATUR

Tajuk: Hanafi Haji Ahmad dan Seni Silat Cekak (1978)

Pengarang: Halimah Haji Ahmad

Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk memperkenalkan kepada umum tentang seorang tokoh persilatan, iaitu Ustaz Haji Hanafi Haji Ahmad dan usaha beliau mengembangkan kesenian silat cekak sebagai warisan Melayu. Selain itu, kajian ini bertujuan menyedarkan golongan cerdik pandai Melayu khususnya untuk melanjutkan kajian tentang ilmu persilatan Melayu. Kajian ini dilakukan dengan kaedah primer iaitu; soal jawab dan temu ramah yang dilakukan terhadap tokoh persilatan tersebut dan beberapa responden yang terlibat secara langsung termasuklah ibu, isteri dan anak murid tokoh tersebut bagi menguatkan kenyataan. Temuramah tersebut dibuat dengan menggunakan rakaman bagi memudahkan penulisan kajian ini. Bagi menguatkan sumber primer, pengkaji telah menggunakan kaedah rujukan buku di perpustakaan seperti majalah, akhbar-akhbar, surat perlantikan dan borang pendaftaran ahli persilatan. Pengkaji juga menggunakan kertas kerja Konvensyen yang dibentangkan oleh Ustaz Haji Hanafi Haji Ahmad pada tahun 1973 di Universiti Sains Malaysia. Pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian turut serta dengan menyaksikan sendiri persembahan silat, upacara mandi limau, ceramah agama dan persilatan serta upacara pengijazahan pertama penuntut silat cekak.

Kajian ini memfokuskan tentang tokoh persilatan, dan pelbagai aspek persilatan seperti pengertian silat cekak, lambang, pakaian, kaedah dan falsafah pelajaran, matlamat dan lain-lain. Tokoh yang terlibat dalam kajian ini ialah Ustaz Haji Hanafi Haji Ahmad, Guru Utama merangkap Presiden Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia. Beliau dilahirkan di Kampung Sungai Baru, Mukim Gunong, Alor Setar, Kedah pada 1923. Kajian ini juga mengetengahkan usaha beliau mengembangkan seni silat cekak di sekitar Kedah sehingga ke seluruh negara. Kesedaran beliau untuk mengembangkan seni silat cekak ialah kerana ingin memelihara keaslian silat Melayu. Beliau melihat orang Melayu lebih suka mengagungkan seni mempertahankan luar negara dan tidak kurang juga yang ingin mencampuradukkan teknik persilatan Melayu dengan seni mempertahankan dari luar. Seni silat cekak yang dibawa oleh Ustaz Haji Hanafi bebas dari unsur khurafat khususnya ilmu kebal dan segala amalannya berdasarkan agama Islam. Usaha

Ustaz Haji Hanafi mendapat tentangan daripada pelbagai pihak dan timbul krisis antara Silat Cekak dengan Silat Kalimah yang diasaskan oleh Yahya Said.

99% pelajaran Silat Cekak untuk mempertahankan diri dan hanya 1% sahaja digunakan untuk menyerang pihak lawan. Ustaz Haji Hanafi berjaya membawa Silat Cekak ini sehingga ke peringkat universiti dan telah menjadi salah satu rancangan ko-kurikulum universiti. Kejayaan ini membawa kepada kemuncak perkembangan seni silat cekak ke peringkat yang selanjutnya kerana baginya pendedahan seni silat cekak kepada mahasiswa penting supaya seni ini dapat disalurkan kepada masyarakat apabila mereka keluar daripada institut tinggi kelak. Pengajaran silat cekak ini juga bertujuan membimbang anak muda ke jalan yang berlandaskan Islam.

Silat cekak membawa maksud yang pelbagai. Perkataan cekak datangnya daripada peribahasa Melayu di Kedah iaitu “makan cekak”, yang bermaksud kesanggupan, keupayaan dan tanggungjawab terhadap tugas yang diberikan sesuai dengan seni silat cekak yang bertujuan untuk menjaga keselamatan diri. Maksud yang kedua ialah daripada bahasa Minangkabau, iaitu “cakak” yang bermaksud gaduh. Gaduh di sini bukan bermaksud bergaduh tetapi silat untuk menjaga keselamatan andai terjadi pergaduhan. Selain itu, perkataan “cekkak” membawa maksud segenggam iaitu segenggam buah guru.

Silat Cekak berlambangkan bulatan dikelilingi oleh bintang yang mempunyai 21 bucu sebagai simbol 21 buah-buah untuk mempertahankan diri. Segemal padi melambangkan silat ini yang lahir daripada masyarakat petani yang resminya, makin berisi, semakin tunduk yang bererti tiada jiwa sompong, bongkak, takbur dan khianat bagi yang ingin mempelajari silat ini. Parang lading dua bilah pula merupakan simbol senjata asli Melayu yang digunakan untuk mempertahankan diri manakala sebilah keris bererti kedaulatan raja-raja Melayu. Tulisan Muhammad Ahmad bertimbang balik bermaksud silat ini menekankan pengasuhan rohani dan jasmani iaitu syariat dan hakikat.

Pakaian Silat Cekak bewarna biru tua yang bermakna dunia dan akhirat, rohani dan jasmani, budi dan masyarakat. Guru utama akan memakai baju Melayu songket kuning dan ahli jawatankuasa lain memakai baju biru tua yang tidak bersongket. Semuanya memakai tanjak dan capal.

Kajian ini turut merungkai pantang larang yang perlu dipatuhi oleh penuntut silat cekak. Antaranya ialah tidak boleh menderhaka kepada guru, ibu bapa, tidak boleh mencaci silat Melayu asli walaupun ia bermutu rendah serta tidak boleh bergaduh sesama ahli silat cekak.

Antara faedah mempelajari silat cekak ialah, memghidupkan pusaka bangsa, menanam perasaan cinta kepada warisan bangsa, menanamkan sikap tanggungjawab menjaga diri sendiri, mengerti tujuan silat dan kehidupan, membasmi tisyul dan kurafat, menanam roh Islam semasa menghadapi musuh serta dapat membezakan yang haq dan batil. Kajian ini turut mengemukakan syarat-syarat mempelajari ilmu silat cekak dan teknik buah pukul dalam silat cekak.

Kajian ini bermasalah apabila jarak antara responden dan pengkaji jauh dan jarak ini menimbulkan kesukaran untuk menemu ramah responden yang terlibat. Selain itu, terdapat responden penting dalam kajian ini yang sudah meninggal dunia. Hal ini menyebabkan pengkaji sukar untuk menguatkan beberapa bukti dan kenyataan. Kekurangan rujukan yang terdapat di Pusat Sumber juga menjadi masalah kepada kajian ini. Penulis juga sukar menterjemahkan teknik atau kaedah persilatan dalam bentuk tulisan supaya pembaca jelas dengan teknik persilatan yang diamalkan penuntut silat cekak.